

Khamis – 26 November 2020


PEMIKIRAN BAHRU
**Utusan
Malaysia**

Halaman : 6

6

UTUSAN MALAYSIA
KHAMIS • 26 NOVEMBER 2020

Dalam Negeri



RAMLI Derus menyiram air di pusara anaknya, Baharuddin di Tanah Perkuburan Orang Asli Kampung Sungai Sampo di Ayer Hitam semalam.

Baharuddin wira kebanggaan Semelai

Oleh NORAINNA HAMZAH
utusannews@mediamulia.com.my

JEMPOL: Mendiang Sarjan Baharuddin Ramli (gambar) akan sentiasa dikenang sebagai wira masyarakat Orang Asli suku Semelai terutamanya bagi penduduk Kampung Orang Asli Sungai Sampo, Ayer Hitam.

Tok Batin Kampung Orang Asli Sungai Sampo, Abu Mohd. Tot, 57, berkata, keperibadian baik mendiang diakui penduduk kampung yang kerap menerima bantuan daripada mendiang.

“Baharuddin sudah jadi wira kami sebaik sahaja mendiang menyertai polis dan kematian beliau tidak akan menyebabkan anak kampung di sini berhenti menyertai polis.

“Empat daripada 13 adik-beradik saya berkhidmat dalam pasukan polis malah lebih 10 penduduk kampung di sini menjadi polis untuk berkhidmat demi negara,” katanya.

Abu berkata demikian selepas pengebumian Baharuddin di Tanah Perkuburan Orang Asli Kampung Sungai Sampo, Ayer Hitam, Bandar Seri Jempol dekat sini semalam.

Baharuddin selamat dikebumi pukul 12.30 tengah hari.

Terdahulu, jenazah tiba di kediaman keluarganya di Kam-



pung Sungai Sampo pukul 3.45 pagi selepas selesai dibedah siasat di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah.

Selain ahli keluarga, turut memberikan penghormatan Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador, Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA), Datuk Seri Abd Rahim Jaafar; Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Mohamad Mat Yusof dan Timbalan Pengarah KDNKA (PGA), Datuk Kasuahdi Ali.

Baharuddin, 54, maut terkena tembakan di perut selepas bertempur dengan lebih 13 penyeludup Thailand dalam kejadian 600 meter dari TS9,

Padang Besar, Perlis pukul 2.30 pagi kelmarin.

Rakan setugas mendiang, Koperal T. Norihan, 39, cedera terkena tembakan di bahagian perut kiri dan masih dirawat di Hospital Tuanku Fauziah (HTF) Kangar.

Baharuddin meninggalkan seorang balu, Relow Ko, 48, dan tiga anak berusia 18 dan 32 tahun.

Mendiang ketika kejadian dalam penugasan kawalan keselamatan Op Benteng di sempadan sejak 1 November dan dijadual berakhir hujung bulan ini. Mendiang mula berkhidmat sebagai anggota polis ketika usia 19 tahun dan dijangka bersara empat tahun lagi.

Sementara itu, bapa mendiang, Ramli Derus, 75, berkata, Baharuddin anak yang baik dan berani.

Menurutnya, penyertaan Baharuddin dalam pasukan polis telah membantu meringankan beban hidupnya terutama dari segi kewangan.

“Bila dia jadi polis, hati rasa senang. Perbelanjaan keluarga dia bantu (setiap bulan).

“Mendiang sering bertanya keadaan saya, makan minum saya, walaupun ketika dia bertugas di sempadan. Agak menyedihkan bila dia sudah meninggal dunia,” katanya.